

Bantu masyarakat kurang bernasib baik

Golongan kaya perlu menderma

BH 12 OCT 1991

Oleh ZAMZAM OMAR

KUALA LUMPUR, Jumaat — Golongan kaya dan berjaya di negara ini mempunyai tanggungjawab sosial bagi membantu masyarakat kurang bernasib baik, bukan sekadar menyerahkan beban itu kepada kerajaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Di Malaysia, kata Perdana Menteri, ramai yang memperoleh pelbagai nikmat dan kemewahan sejak negara mencapai kemerdekaan dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Menurutnya, kerajaan sentiasa menggalakkan orang perseorangan dan sektor swasta untuk membantu golongan kurang bernasib baik.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan umat Islam supaya tidak hanya bersikap menerima, tetapi berusaha mencari kekayaan secara halal bagi membolehkan mereka bersedekah dan mengeluarkan zakat.

"Dengan kekayaan kita dapat bersedekah serta mengeluarkan zakat dan mengelakkan diri daripada terlalu mudah menerima sedangkan kita mampu berdikari.

"Sekarang ada yang meminta walaupun bagi perkara yang tidak mendesak. Kebahagiaan tidak wujud dalam masyarakat yang lebih suka menerima daripada memberi," katanya ketika melancarkan Yayasan Ubaidi di Pusat Islam di sini hari ini.

Yayasan Ubaidi ditubuhkan oleh Tan Sri S O K Ubaidullah pada 12 Mei tahun lalu mengikut Akta Pemegang Amanah (Perbadanan) 1952 (Semakan (1981) dengan modal \$15 juta untuk melabur dalam bidang hartanah.

Antara matlamat penubu-

hannya ialah membantu golongan miskin tanpa mengira agama dan keturunan serta memberi sumbangan kepada institusi penyelidikan dan pendidikan perubatan.

Menurut Perdana Menteri, hanya golongan yang tidak mampu harus menjadi penerima dan setelah berjaya memulihkan kedudukan kewangan, mereka perlu membayar balik kepada masyarakat.

"Sesetengah pihak berpendapat orang Islam boleh menerima derma dan bantuan daripada sesiapa saja tetapi mereka tidak harus memberi derma daripada punca tertentu kepada bukan Islam.

"Walaupun tidak ada bahagian zakat yang khusus bagi orang Islam tetapi mereka yang miskin dan daif berhak mendapat bantuan tanpa mengambil kira agama yang dianuti.

"Sebaliknya, pandangan terhadap agama Islam menjadi amat buruk jika orang Islam hanya sanggup menerima tetapi tidak sanggup memberi," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, masyarakat yang dipenuhi dengan dermawan untuk membantu mereka yang memerlukan adalah masyarakat adil dan bahagia.

Katanya, penderma yang ikhlas tidak harus berfikir penerima terhutang budi kepadanya kerana penderma tidak ada hak mendapat balasan secara langsung.

Beliau berkata, ibadat yang

LIHAT MUKA 2

Negara kebajikan jadikan rakyat malas

DARI MUKA 1 BH

12 OCT 1991

mulia dalam Islam ialah mengeluarkan zakat, yang tujuannya mengagih kekayaan milik umat yang lebih cekap mengumpul kekayaan, kepada umat miskin.

"Walaupun pengeluaran za-

kat itu wajib, penerimaan zakat bukan satu ibadat yang wajib," katanya.

Perdana Menteri berkata, negara kebajikan ialah ciptaan ideologi Barat dengan majoriti rakyat menjadi penerima tanpa berusaha yang ak-

hirnya menyebabkan masyarakat menjadi malas, kucar-kacir dan menjejaskan pembangunan negara.

Beliau memuji sifat dermawan pengasas Yayasan Ubaidi, Tan Sri S O K Ubaidullah yang menurutnya menepati

kehendak Islam dan nilai yang dimuliakan oleh masyarakat serta patut dicontohi.

Menurutnya, yayasan itu selaras dengan dasar kerajaan yang mahukan pembangunan ekonomi negara dinikmati semua rakyat.